

RANCANGN PERNIAGAAN

ETR 300

SYARIKAT MACROPACK

PACKERS & MOVERS

ASAS KEUSAHAWANAN  
(ETR 300)

*DISEDIAKAN UNTUK :*

**PUAN SABARIAH MAHAT**

PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
MELAKA

*DISEDIAKAN OLEH :*

AZLINA HASHIM	94637865
FARHAH JAFFAR	94466765
MAZLAN ABDUL HALIM	94650317
SHAHRUL NIZAL NORDIN	94346151
YUSMIZA ABDUL JABAR	94683099

DBS 5B

22 OKTOBER 1996

Syarikat MacroPack  
Diploma Pengurusan Perniagaan (5 B)  
Institut Teknologi Mara  
Melaka

2 September 1996

Puan Sabariah Mahat  
Pensyarah Keusahawanan  
Institut teknologi Mara  
Melaka

Puan

Rancangan Perniagaan Projek Perpindahan dan Pembungkusan.

Merujuk kepada perkara di atas, kami dari kumpulan DBS 5B telah berjaya menyiapkan Rancangan Perniagaan kami yang dinamakan Syarikat MacroPack sepertimana yang dikehendaki untuk subjek ETR 300.


Kami harapkan pihak puan berpuas hati dengan segala kerja dan usaha yang kami lakukan.

Akhir kata, kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala bantuan dan tunjuk ajar yang telah puan berikan sepanjang kertas kerja ini dibuat.


Segala kerjasama puan amatlah kami hargai.

Sekian. Terima Kasih


Yang benar




(Shahrul Nizal Nordin)



(Mazlan Abdul Halim)



(Farhah Jaffar)



(Azlina Hashim)



(Yusmiza Abd. Jabar)

**ISI KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

<input type="checkbox"/>	<b>SURAT PENYERAHAN</b>	
<input type="checkbox"/>	<b>SEKAPUR SIRIH</b>	<b>(ii)</b>
<input type="checkbox"/>	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>(iii)</b>
<input type="checkbox"/>	<b>SURAT IKATAN PERJANJIAN AHLI KONGSI</b>	<b>(iv) - (vii)</b>
<input type="checkbox"/>	<b>KAD PERNIAGAAN</b>	<b>(viii)</b>
<b>1.0</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
	<b>- LOGO PERNIAGAAN</b>	<b>2</b>
	<b>- KETERANGAN LOGO</b>	<b>3</b>
<b>2.0</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>4</b>
<b>3.0</b>	<b>LATAR BELAKANG PERNIAGAAN</b>	<b>5</b>
<b>4.0</b>	<b>LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI</b>	<b>6 - 10</b>
<b>5.0</b>	<b>LATAR BELAKANG PROJEK CADANGAN</b>	<b>11</b>
<b>6.0</b>	<b>RANCANGAN PEMASARAN</b>	<b>12 - 31</b>
<b>7.0</b>	<b>RANCANGAN OPERASI</b>	<b>32 - 42</b>
<b>8.0</b>	<b>RANCANGAN PENTADBIRAN</b>	<b>43 - 59</b>
<b>9.0</b>	<b>RANCANGAN KEWANGAN</b>	<b>60 - 74</b>
<b>10.0</b>	<b>RUMUSAN</b>	<b>75</b>
<b>11.0</b>	<b>LAMPIRAN</b>	

## **1.0 PENGENALAN**

Dalam kehidupan di zaman yang serba-serbi moden ini, sikap gotong-royong di kalangan masyarakat amat tipis sekali jika di bandingkan pada zaman dahulu. Pada waktu itu, seandainya ada jiran-jiran yang hendak berpindah maka seluruh penduduk kawasan akan bergotong-royong dan saling bantu-membantu tuan rumah mengemaskan barang-barang mereka.

Tetapi lain halnya di zaman yang canggih ini, di mana manusia sudah semakin sibuk dengan hal-hal keduniaan hingga lupa jiran di sebelah rumah. Atas maksud itulah SYARIKAT MACROPACK mengambil inisiatif ini untuk menawarkan perkhidmatan perpindahan dan pembungkusan untuk memudahkan individu ataupun syarikat berpindah dari satu destinasi ke destinasi yang dikehendaki.

Perniagaan kami ini mempunyai prospek yang luas di mana ianya terletak di alamat 7A, Jalan Bukit Beruang Utama 2, Taman Bukit Beruang Utama 75450 Melaka Bandaraya Bersejarah. Pemilihan tapak ini, adalah berdasarkan kemudahan-kemudahan yang terdapat di situ dan peluang-peluang pemasaran yang luas, di mana strategi pemasaran kami adalah terumpu pada jabatan-jabatan kerajaan yang terdapat di sekitar Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Memandangkan amat kurang sekali golongan bumiputera yang menceburi bidang perkhidmatan ini, maka kami mengambil kesempatan ini untuk menonjolkan bahawa golongan bumiputera juga boleh maju apabila menceburi bidang perkhidmatan ini. Jika diambil perkiraan secara rawak, hanya terdapat satu syarikat sahaja yang dikelolakan oleh golongan bumiputera iaitu Syarikat Pembungkusan Joha yang terletak di kawasan Industri Alor Gajah.

Kami berkeyakinan bahawa perniagaan kami ini akan berkembang dengan pesat dan mempunyai potensi yang cerah untuk berjaya. Kami bercadang dalam tempoh lima tahun akan datang, untuk meluaskan perkhidmatan kami ke Sabah dan Sarawak serta negara-negara di sekitar Asia Tenggara.